

27 JUN 1998

Mahathir-Ringggit

RINGGIT MASIH MENGALIR KELUAR WALAUPUN KADAR LUAR PESISIR LEBIH RENDAH

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Ringgit masih mengalir keluar walaupun kadar faedah di negara-negara berkenaan telah menurun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya tidak tahu mengapa tetapi pada akhirnya, kita rugi kerana wang itu akan digunakan untuk perdagangan mata wang dan dengan itu kita membantu mereka (pedagang mata wang) menurunkan nilai ringgit," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan perhimpunan agung parti Gerakan di sini.

Beliau berkata mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pagi ini antara lain mengkaji masalah-masalah ekonomi negara, terutamanya aliran keluar dana ke negara-negara lain.

MTEN juga, katanya, cuba mengenalpasti bagaimana wang itu mengalir keluar dari negara ini dan bagaimana untuk memujuk rakyat tempatan supaya tidak membawa wang keluar kerana kesannya yang membinasakan ekonomi.

Mengenai aliran dana ke dalam negara ini, Dr Mahathir berkata ada yang bimbang Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mencari mereka jika mereka membawa pulang wang.

Perdana Menteri berkata beberapa syarikat bimbang mereka akan dikenakan cukai jika mereka gagal memberikan penjelasan yang betul mengenai tujuan penggunaan wang itu.

Katanya syarikat-syarikat berkenaan hanya diperlukan memberi penjelasan mengenai wang yang dibawa masuk itu dan mereka akan diberikan pengecualian cukai. Mereka tidak akan disoal pada masa akan datang jika wang itu digunakan bagi tujuan perniagaan.

"Jika tiada laporan dibuat, LHDN akan bertanya dari mana ia datang...jika dari luar negara.. apa buktinya?," katanya.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Mahathir mengakui masalah ekonomi sekarang adalah berat dan sukar untuk diatasi, tetapi kerajaan berjaya menghalang keadaan ekonomi negara daripada lebih meruncing melalui suasana politiknya yang stabil.

Beliau berkata dakwaan-dakwaan yang mengatakan kerajaan mengamalkan kroni kapitalisme dan nepotisme hanyalah alasan untuk menyerang mata wang dan pasaran saham tempatan.

"Apabila kita dipengaruhi oleh propaganda sedemikian dan menuduh kerajaan mengamalkan kronisme dan nepotisme, kita akan menghadapi masalah ketidakstabilan politik," katanya.

Dr Mahathir mengambil contoh kerjasama di antara Wall Street (Bursa Saham New York) dan kerajaan Amerika Syarikat sebagai satu bentuk kronisme.

Beliau berkata ini kerana kerajaan Amerika melindungi Wall Street dan menggalakkan hasratnya untuk menerokai seluruh dunia dengan modal mereka.

"Mereka boleh mengambil alih syarikat-syarikat dari Korea, Indonesia, Thailand dan Malaysia. Bagaimana mereka boleh berbuat begitu? Ini kerana kerajaan mereka tidak mengambil tindakan terhadap Wall Street dan pedagang-pedagang mata wang, tetapi sebaliknya bekerjasama rapat dengan mereka," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa bukan beliau yang membuat dakwaan itu tetapi daripada sebuah artikel mengenai "Kompleks Ketenteraan-Perindustrian" berasal dari Amerika mengenai bagaimana sektor perindustrian mendapat banyak wang untuk membantu tentera dan sebaliknya.

Pengerusi Barisan Nasional itu menggesa rakyat Malaysia supaya berhati-hati kerana walaupun tiada konspirasi, masih terdapat usaha untuk

menjatuhkan ekonomi negara dan benteng pertahanan Malaysia yang paling kukuh adalah Barisan Nasional yang bersatu.

"Mereka mahu menguasai ekonomi kita dan melaluinya mereka akan menguasai politik kita dan kemudian kita akan hilang kemerdekaan," katanya.

-- BERNAMA

SHO JR RON